

# Pecah rumah makin berleluasa

Sinar 10/11/12 MS 9.

## Enam kes dilaporkan sejak kisah gangguan orang minyak tersebar

**IZWAN ROZLIN**

**GOMBAK** – Kejadian pecah rumah pada waktu siang yang berlaku di Pangsapuri Laksamana semakin menjadi-jadi sejak kisah orang minyak tersebar di kawasan itu.

Pengerusinya Persatuan Penduduknya, Shafiq Abdul Aziz berkata, setakat ini sebanyak enam laporan diterimanya berhubung kejadian pecah rumah di kawasan itu.

“Semua kejadian pecah rumah yang berlaku di pangsapuri ini melibatkan rumah yang ditinggalkan kosong kerana penghuninya keluar bekerja,” katanya ketika ditemui dekat sini

Menurutnya, terbaru pencuri terbabit semakin berani apabila melarikan sebuah televisyen 42 inci dari sebuah rumah di situ.

“Lima kes berlaku menggunakan kaedah sama iaitu membuka mangga pintu rumah menggunakan asid dan melarikan barangan berharga seperti komputer riba, telefon bimbit dan barangan berharga dari rumah mangsa,” katanya.

Bagi mengatasi masalah itu menurutnya, badan pengurusan bersama (JMB) bercadang mengadakan pengawal keselamatan berbayar, memasang palang di pintu keluar masuk serta memasang kamera litar tertutup di setiap blok bangunan di situ dengan syarat penduduk dapat memberi komitmen dalam membayar wang penyelenggaraan bulanan.

Jelasnya lagi, kawasan itu dahulunya sering terjadi kes kehilangan motosikal namun semenjak rondaan dibuat penduduk dan tempat letak moto-



**SHAFIQ**

sikal diterangi lampu, masalah itu mula berkurangan.

Sementara itu, mangsa pecah rumah, Noorfadzly Musiran, 29, berkata, dia hanya menyedari rumahnya di pecah masuk selepas pulang bekerja jam 10.30 malam.

“Pencuri terbabit menggeledah semua bilik dan almari di dalam rumah, mujur dia hanya sempat ambil barangan



**NOORFADZLY**

yang kecil sahaja,” katanya yang membuat laporan di Balai Polis Selayang, Bukit Idaman dekat sini.

Berhubung masalah itu, Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Abdul Rahim Abdullah ketika dihubungi berkata, polis akan menyiasat laporan kes pecah di pangsapuri berkenaan.

Menurutnya, kerjasama



**Keadaan kawasan pangsapuri yang sunyi pada waktu siang menyebabkan penjenayah mengambil kesempatan memecah masuk.**

penduduk untuk melaporkan perkara itu jika terserempak dengan orang yang dicurigai

amat diperlukan bagi membolehkan suspek terlibat diberkas.